



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN

NOTIS SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA API

Syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 220801 (Kawalan Keselamatan) adalah dipelawa menyertai sebut harga ini. Sebut harga ini juga terbuka kepada syarikat bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

BIL.	NO. RUJUKAN	JENIS TAWARAN	HARGA DOKUMEN
a.	JPV.NS.S. 20/2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di Pusat Latihan Aneka Ternakan Haiwan, Siliau, Seremban Negeri Sembilan bagi Tempoh 2 Tahun Mulai 1 Julai 2022 Hingga 30 Jun 2024	RM 50.00
b.	JPV.NS.S. 21/2022	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di Kompleks Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan bagi Tempoh 2 Tahun Mulai 1 Oktober 2022 Hingga 30 September 2024	RM 50.00

2. Syarikat yang berminat boleh melawat sendiri kawasan perkhidmatan kawalan keselamatan yang dinyatakan agar dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat serta mengetahui keadaan dan memperoleh maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga. Dalam hal ini, sekiranya syarikat mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan fizikal, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian pelitup muka perlu diteruskan. Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan spesifikasi/brief projek, sila hubungi Puan Sunarti atau Puan Siti Sahara di talian 06-7628857.

Kawasan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan tanpa senjata api:

PUSAT LATIHAN ANEKA TERNAKAN HAIWAN, SILIAU
Jalan Siliau, 71200 Rantau
Negeri Sembilan Darul Khusus
(kawasan kawalan keselamatan merangkumi Kompleks Kediaman
Pegawai dan Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu, Siliau)

dan

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI SEMBILAN**
Lot 1504, Mukim Pantai
Batu 6, Jalan Jelebu
71770 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

3. Borang sebut harga berserta syarat-syarat am/khas boleh diperolehi di kaunter khidmat pelanggan ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan dengan harga RM 50.00 senaskhah mulai 30 MEI 2022.

4. Permohonan hendaklah dimasukkan terus ke dalam peti tawaran di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Lot 1504 Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu, 71770 Seremban, Negeri Sembilan di dalam sampul surat berlakri bertanda sebut harga JPV.NS.S. 20/2022 atau JPV.NS.S. 21/2022.

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada 7 JUN 2022 jam 12.00 tengah hari.

Jika sebut harga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.



**PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

26 MEI 2022

BIDANG	SUB BIDANG	PECAHAN SUB BIDANG
22	08	01
PERKHIDMATAN	PERTAHANAN DAN KESELAMATAN	KAWALAN KESELAMATAN